

Bahasa Arab tiada kaitan pelampau

BH - 28/4/2004, m/s: 2.

Oleh Kadir Dikoh
dan Norhafzan Jaafar

PETALING JAYA: Pengenalan Bahasa Arab sebagai mata pelajaran di sekolah kebangsaan bertujuan meningkatkan kefahaman pelajar mengenai agama Islam, kata Menteri Pelajaran, Datuk Hishammuddin Hussein.

Beliau berkata, perkara itu sebenarnya tidak ada kaitan dengan ancaman pelampau agama membabitkan sesengah golongan di negara ini.

“Dengan mengajar pelajar Melayu mengenali bahasa Arab, ia tidak akan menyelesaikan masalah itu kerana yang penting ialah untuk mengajar mereka mengenai Islam yang sebenar dan agama bukan sebagai alat politik,” katanya pada sidang media selepas menghadiri pelancaran Sidang

Kemuncak Pendidikan Malaysia 2004 di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada langkah kementerian memperkenalkan pengajian Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah bertujuan mengelak pembabitan pelajar terhadap aktiviti pelampau'agama seperti yang pernah berlaku di kalangan rakyat negara ini yang menuntut di Pakistan.

Sabtu lalu, kementerian itu melancarkan j-QAF yang merangkumi pelajaran Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain yang diwajibkan kepada semua murid beragama Islam di sekolah rendah di seluruh negara.

Sistem yang akan bermula tahun depan itu adalah usaha kementerian untuk memperkasakan pendidikan Islam menerusi sistem pendidikan kebangsaan.



ABDULLAH merasmikan Sidang Kemuncak Pendidikan Malaysia 2004 sambil disaksikan dari kiri Hishammuddin, Mohd Shafie dan Ketua Eksekutif Asli, Datuk Dr Michael Yeoh di Petaling Jaya, semalam. – Gambar oleh David Khoo

Dalam perkembangan lain, Hishammuddin yang turut ditanya cadangan memberi kuasa rotan kepada semua guru dalam usaha menangani masalah disiplin pelajar berkata, perkara itu bukan sesuatu yang baru.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya sentiasa mengalu-alukan apa saja cadangan daripada semua pihak sekiranya ia boleh dilaksanakan.

“Kita akan kumpul semua cada-

ngan yang diajukan sebelum membuat keputusan,” katanya.

Mengenai pembabitan polis dalam usaha berkenaan, beliau berkata, kementerian akan meminta bantuan mereka sekiranya masalah disiplin di kalangan pelajar terus berleluasa terutama di luar sekolah.

“Kita tahu polis mempunyai banyak lagi tugas berat untuk mengawal dan mencegah kegiatan jenayah lain

yang lebih serius,” katanya.

Hishammuddin berkata, sehingga kini 333 aduan mengenai masalah disiplin pelajar diterima kementerian iaitu 193 melalui talian hotline, 124 e-mel dan 16 melalui faksimili.

Aduan yang diterima membabitkan 142 perbuatan salah laku, 90 mengenai pengurusan sekolah dan 101 pandangan dan pertanyaan orang ramai.